

19 JAN 1996
Canada-Asia
CANADA AKAN LEBIH TERLIBAT DI ASIA

KUALA LUMPUR, 19 Jan (Bernama) -- Canada, yang lebih dikenali sebagai sebahagian negara Eropah dan Amerika Utara, ingin merapatkan diri dengan Asia, kata Perdana Menteri Canada Jean Chretien hari ini.

"Kami banyak tertumpu kepada bahagian timur Atlantik dan ke selatan negara kami," katanya dalam ucapannya pada Forum Perniagaan Canada-Malaysia kali pertama di sini.

Katanya, "dasar memandang ke Eropah dan Amerika telah berlalu, kini Canada mengalih pandangan ke Pasifik. Kami akhirnya mengakui bahawa Canada adalah sebahagian daripada negara Pasifik."

Beliau juga berkata negaranya tidak terbawa-bawa dengan era kerajaan beraja dan Canada secara berkongsi sejak kemerdekaannya membantu membina Malaysia dan rantau ini menjadi wilayah yang moden.

Chretien, yang tiba semalam untuk lawatan rasmi dua hari atas undangan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata Canada ingin memperluaskan perkongsiannya dalam pembangunan berterusan, dalam perniagaan, tenaga manusia dan teknologi untuk membantu Malaysia mencapai wawasannya menjadi sebuah negara maju pada 2020.

Katanya perdagangan antara kedua-dua negara terus berkembang pada kadar 30 peratus setahun sejak kebelakangan ini dan perdagangan dua hala pada tahun lepas dijangka melebihi RM3,700 juta (C\$2,000 juta).

Perdagangan dua hala mencecah RM1,850 juta (C\$1,000 juta) bagi kali pertama pada 1993 dan angka itu meningkat kepada RM2,800 juta (C\$1,500 juta) pada tahun berikutnya.

Forum perniagaan kali pertama Canada-Malaysia itu dihadiri kira-kira 500 tokoh perniagaan dan korporat dari kedua-dua buah negara. Rombongan Chretien turut disertai kira-kira 200 pemimpin perniagaan. -- Bernama